

## PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP KONSTRUK KOMPETENSI LATIHAN AMALI DAKWAH (LAD)

**Abdul Ghafar Don\*, Anuar Puteh, Abu Dardaa Mohamad, Hasanah Abd Khafidz,  
Khazri Osman, Muhammad Faisal Asha'ari, Nur Athiroh Masya'il Tan,**

**Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, & Zulkefli Aini**

*Pusat kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*a.g.don@ukm.edu.my\**

### ABSTRACT

*Da'wah training in the field is aimed at exposing students to the reality or waqi' of true preaching. It requires the same competence as preaching in the field even in the name of training. However, the aspect that is always raise a question is what are the elements of competence needed by students during practice and to what extent are students competent or competitive in undergoing da'wah training at the location. This study identifies the competency constructs that are necessary for students to undergo Latihan Amali Dakwah (LAD) or Da'wah Practical Training and analyse their acceptance of the items in the competency construct as well as to propose LAD guidelines based on the findings of the study. For the purpose of acquiring students' acceptance of items in the LAD competency domain, a set of questionnaire instrument was distributed to all 90 third-year students of the Dakwah and Leadership Research Centre, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia session 2021/2022. Data were analysed descriptively in the form of frequency, percentage and mean. The results of the study found that the acceptance of students to the items in the three LAD competency domains: Self-preparation, Skills and Attitudes were at a very good level which are exceed that 4.21. The implication of the study is to contribute to the input in building clear guidelines related to the competency constructs that are useful for students in doing internships in locations, especially in Orang Asli villages.*

**Keywords:** Acceptance, students, competency construct, da'wah training, guidelines

### ABSTRAK

Latihan Amali dakwah (LAD) di lapangan adalah bertujuan mendedahkan pelajar kepada realiti atau waqi' dakwah yang sebenar. Ia memerlukan kompetensi yang sama sepertimana dakwah di lapangan meskipun atas nama latihan. Namun demikian, aspek yang sentiasa menjadi persoalan apakah elemen kompetensi yang diperlukan pelajar semasa menjalani amali dan sejauh mana pelajar kompeten atau berdaya saing dalam menjalani Latihan amali dakwah di lokasi. Kajian ini mengenalpasti konstruk kompetensi yang diperlukan bagi pelajar untuk menjalani amali dan seterusnya menganalisis penerimaan mereka terhadap item-item dalam konstruk kompetensi yang dicadangkan. Konstruk dibina berdasarkan analisis tinjauan literatur berkaitan kompetensi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mendapatkan dapat. Bagi tujuan mengetahui penerimaan pelajar terhadap item dalam domain kompetensi LAD, instrumen soal selidik telah diedarkan kepada semua 90 orang pelajar tahun tiga Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 2021/2022. Data kajian dianalisis secara deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian mendapati penerimaan pelajar terhadap item dalam tiga konstruk kompetensi LAD: Persediaan diri, Kemahiran dan Sikap berada pada tahap yang baik dan sangat baik melebihi 4.21. Implikasi kajian ini ialah menyumbang kepada input dalam membina garis panduan yang jelas berkaitan konstruk kompetensi yang diperlukan pelajar dalam menjalani amali di lokasi terutamanya di perkampungan Orang Asli.

**Kata Kunci:** Penerimaan, pelajar, konstruk kompetensi, Latihan Amali dakwah, garis panduan

## PENDAHULUAN

Latihan Amali Dakwah (LAD) adalah sebahagian daripada komponen kursus Metodologi Dakwah Kepada Non-Muslim yang perlu dilalui pelajar Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan (PKDK), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ia diambil kira sebagai markah lulus bagi kursus PKDK3183. Pelajar yang menjalani LAD ini perlu mempunyai kompetensi tertentu yang membolehkan mereka menjalani amali dengan yakin dan jayanya. Kertas ini mengemukakan hasil dapatan kajian terhadap penerimaan pelajar PKDK terhadap domain kompetensi yang diperlukan dalam menjalani LAD di lapangan khususnya di perkampungan masyarakat Asli.

## KONSEP KOMPETENSI DALAM DAKWAH

Pelbagai definisi telah diberikan tentang kompetensi. Manogaran (2000) misalnya mendefinisikan kompetensi sebagai pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan atau keupayaan sejauh mana seseorang itu mencapai, yang menjadi sebahagian daripada dirinya sehingga dia boleh melakukan sesuatu pekerjaan dengan memuaskan secara kognitif, tingkah laku afektif dan psikomotor. Berger (2003) pula berpendapat bahawa kompetensi ialah ciri asas yang ada pada seseorang yang membolehkan ia menampilkan prestasi unggul dalam pekerjaan, peranan atau situasi yang diberikan. Berdasarkan takrif Manogaran dan Berger dapatlah dirumuskan bahawa kompetensi mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membolehkan seseorang melaksanakan tugas atau pekerjaan dengan baik.

Dakwah secara umumnya ialah adalah usaha mengajak, menjelas dan membimbing manusia untuk menerima, memahami dan mengamalkan Islam agar mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Terdapat pelbagai takrif dakwah yang dikemukakan para ulamak. Dr Abu al-Fath al-Bayanuni (2018) menjelaskan dakwah ialah menyampaikan Islam kepada manusia, mengajarnya kepada mereka dan merealisasikannya dalam realiti kehidupan. Usaha dakwah ini bagaimanapun tidaklah boleh dilaksanakan secara semberono. Ia memerlukan perancangan dan kualiti tertentu yang perlu dimiliki pendakwah. Kompetensi adalah sebahagian elemen kualiti yang perlu ada pada pendakwah bagi memastikan keberkesanan gerakan dakwah terhadap masyarakat.

Firman Hidayat (2021) mengutip pandangan Hidayat membahagikan kompetensi berkaitan pendakwah kepada empat, iaitu:

1. Kompetensi personal - Kompetensi personal seorang *da'i* menekankan kepada kemampuan yang berhubungan dengan aspek moral dan intelektual
2. Kompetensi sosial - Kompetensi sosial ini diwujudkan dalam peribadinya yang pemurah dan bijaksana terhadap setiap kenyataan yang dihadapinya serta memiliki sikap empati
3. Kompetensi substantif - Kompetensi substantif yang harus dimiliki oleh seorang *da'i* ini ialah berkenan dengan kemampuannya dalam penguasaan mesej atau materi (bahan) yang akan disampaikan dalam dakwahnya, dan;
4. Kompetensi metodologis - Kompetensi metodologis berkaitan dengan kemampuan *da'i* dalam menyampaikan materi dakwah secara efektif dan efisien

Keempat-empat jenis kompetensi tersebut adalah selaras dengan elemen kompetensi yang disebutkan sebelum ini, iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Aspek pengetahuan terlihat

dalam kompetensi personal dan substantif, aspek kemahiran terkandung dalam kompetensi metodologis, manakala aspek sikap terkandung dalam kompetensi sosial. Oleh itu, adalah penting pendakwah memiliki kompetensi bagi memastikan mesej Islam dapat disampaikan dengan berkesan kepada masyarakat.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerikal dan ketepatan dengan penyelidikan dilakukan melalui kaedah eksperimental dan data numerikal yang dipungut, dianalisis dengan ujian statistik (Rozmi 2016). Seramai dua orang pakar terdiri dari ahli akademik dalam bidang dakwah dan seorang pegawai dakwah Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) telah dipilih bagi mengesahkan item dalam soalselidik.

Sebelum kajian sebenar dilakukan, satu kajian rintis telah dilaksanakan terhadap 30 orang pelajar Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Sesi 2019 yang telah menjalani Latihan Amali Dakwah di Perkampungan Orang Asli Aring 5, Gua Musang, Kelantan. Satu set soal selidik yang mengandungi 3 konstruk dan 30 item di mana setiap konstruk mengandungi 10 item telah diedarkan secara atas talian melalui google form. Hasil kajian rintis ini ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Hasil dapatan kajian rintis (LAD)

Bil	Konstruk	Nilai Alpha Cronbach ( $\alpha$ )	Tahap Kebolehpercayaan
1	B = Konstruk Persediaan Diri (Pengetahuan dan Amalan)	0.92	Baik
2	C = Konstruk Kemahiran	0.92	Baik
3	D = Konstruk Sikap	0.97	Baik

Sumber: Soal selidik 2023

Hasil dapatan kajian rintis dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) berdasarkan ukuran nilai Alpha Cronbach ( $\alpha$ ). Skor yang baik bagi kesemua konstruk, iaitu 0.92 bagi konstruk persediaan diri dan kemahiran serta 0.92 bagi konstruk sikap menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi terhadap item yang hendak dikaji.

Data dikutip melalui pengedaran borang soal selidik kepada semua sembilan puluh (90) orang pelajar Program Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia secara google form. Pemilihan sampel ini adalah secara bertujuan, iaitu kepada pelajar Pengajian Dakwah dan Kepimpinan yang menjalani Latihan Amali Dakwah di Pekampungan Orang Asli, Teranik, Gua Musang, Kelantan pada Sesi 2021/2022. Data kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences*, versi 29.0 (SPSS 29.0) dan dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada 4 konstruk, iaitu: Demografi responden, Persediaan Diri (aspek Pengetahuan & Amalan), kemahiran dan sikap. Dapatan ini dijelaskan secara terperinci seperti berikut:

### Bahagian A: Demografi Responden

Kajian ini menggunakan teknik sampel bertujuan iaitu melibatkan seramai 90 orang pelajar tahun tiga Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang dipilih sebagai sampel kajian. Aspek demografi sampel dinyatakan meliputi jantina, umur dan modul pengajian. Kajian ini dianalisis secara frekuensi menggunakan aplikasi SPSS version 26.0.

#### a. Jantina

Jadual 1.1 menunjukkan taburan bilangan pelajar dan peratusan mengikut jantina. Seramai 26 (29%) orang responden ialah pelajar lelaki manakala 64 (71%) orang ialah pelajar perempuan. Berdasarkan jadual ini jelas menunjukkan pelajar perempuan melebihi jumlah pelajar lelaki.

Jadual 1.1: Taburan Bilangan Pelajar dan Peratusan Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Lelaki	26	29
Perempuan	64	71
Jumlah	90	100

Sumber: Soal Selidik 2023

#### b. Umur

Jadual 1.2 menunjukkan taburan bilangan pelajar dan peratusan mengikut umur pelajar. Terdapat seorang pelajar berumur 21 tahun (1%), manakala pelajar berumur 22 tahun seramai 28 (31%), pelajar 23 tahun pula seramai 30 (33%) orang pelajar, pelajar 24 tahun seramai 27 (30%) orang dan pelajar 25 tahun ke atas pula seramai 4 (4%) orang pelajar. Berdasarkan dapatan kajian, didapati pelajar paling ramai ialah yang berumur 23 tahun. Manakala responden paling sedikit ialah pelajar berumur 21 tahun.

Jadual 1.2: Taburan Bilangan pelajar dan Peratusan Mengikut Umur

Umur	Bilangan Pelajar	Peratusan
21 tahun	1	1
22 tahun	28	31
23 tahun	30	33
24 tahun	27	30
25 tahun ke atas	4	4
Jumlah	90	100

Sumber: Soal Selidik 2023

#### c. Modul Pengajian

Jadual 1.3 menunjukkan taburan bilangan pelajar dan peratusan mengikut modul pengajian. Berdasarkan dapatan pelajar, didapati jumlah pelajar mengikut modul adalah seimbang, iaitu seramai 30 (33%) orang daripada modul komunikasi, 30 (33%) orang daripada modul pengurusan dan 30 (33%) orang daripada modul kaunseling.

Jadual 1.3: Taburan Bilangan Pelajar dan Peratusan Mengikut Modul Pengajian

Modul pengajian	Bilangan pelajar	Peratusan
Komunikasi	30	30
Pengurusan	30	30
Kaunseling	30	30
Jumlah	90	100

Sumber: Soal Selidik 2023

### Analisis Deskriptif Kajian

Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A (demografi pelajar), Bahagian B (konstruk persediaan diri), Bahagian C (konstruk kemahiran) dan Bahagian D (konstruk sikap). Soalan-soalan pada bahagian B,C dan D disediakan oleh pengkaji dan perlu dijawab oleh responden berdasarkan lima tahap Skala Likert seperti berikut:

- 1) Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2) Tidak Setuju (TS)
- 3) Kurang Setuju (KS)
- 4) Setuju (S)
- 5) Sangat Setuju (SS)

Keempat-empat bahagian ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan skor min serta dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS) versi 26.0. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan peratusan item. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi nilai min seperti berikut:

Jadual 1.4: Interpretasi Nilai Min

Nilai Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.80	Sangat Lemah
1.81 – 2.60	Lemah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Baik
4.21 – 5.00	Sangat Baik

Sumber: dipetik dari Lukman Hakimi Ahmad (2014)

### Bahagian B: Analisis Konstruk Persediaan Diri (Pengetahuan & Amalan)

Jadual 1.5: Taburan Bilangan dan Peratusan Penilaian terhadap Konstruk Persediaan Diri (Pengetahuan & Amalan)

No	Item	STS	TS	KS	S	SS	MIN
B1	Saya perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dengan membaca buku-buku Tauhid, Fekah, Sirah, Akhlak, dakwah & perbandingan agama.	0%	0%	1.1%	16.7%	82.2%	4.81

No	Item	STS	TS	KS	S	SS	MIN
B2	Saya perlu menyediakan diri dengan pengetahuan isu semasa.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	13.3% (12)	85.6% (77)	4.48
B3	Saya perlu menyediakan diri dengan aspek adat dan budaya masyarakat sasaran.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	20.0% (18)	78.9% (71)	4.78
B4	Saya perlu menyediakan diri dengan pengetahuan tentang kepercayaan dan pantang larang masyarakat sasaran.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	17.8% (16)	81.1% (73)	4.80
B5	Saya perlu mengetahui tentang hierarki kepimpinan dalam masyarakat sasaran.	0% (0)	0% (0)	4.4% (4)	23.3% (21)	72.2% (65)	4.68
B6	Saya perlu menyediakan diri dengan pengetahuan tentang anasir yang mengancam dakwah dalam masyarakat sasaran seperti Gerakan kristianisasi dan ajaran sesat.	0% (0)	0% (0)	2.2% (2)	23.3% (21)	74.4% (67)	4.72
B7	Saya perlu menyediakan diri dalam aspek kerohanian dengan melazimkan diri membaca al-Ma'thurat, Qiyamullail, membaca, mentadabbur ayat suci al-Quran, menghafaz ayat-ayat syifa' dan wirid selepas solat.	0% (0)	0% (0)	3.3 (3)	14.4% (13)	82.2% (74)	4.79
B8	Saya perlu menyediakan diri dari aspek ketahanan fizikal, emosi dan mental.	0% (0)	0% (0)	0% (0)	18.9% (17)	81.1% (73)	4.81
B9	Saya perlu menyediakan diri dengan pengetahuan kemahiran kendiri dan teknikal seperti memasak dan mengendalikan alatan elektrik.	0% (0)	0% (0)	5.6% (5)	24.4% (22)	70.0% (63)	4.64
B10	Saya perlu menyediakan diri dengan kemahiran pengucapan awam dan pengurusan atucara.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	22.2% (20)	76.7% (69)	4.76

Sumber: Soal Selidik 2023

Jadual 1.5 menunjukkan bahawa setiap nilai min bagi konstruk persediaan diri berada pada tahap sangat baik. Nilai min yang tertinggi dicapai pada item B1 (Saya perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dengan membaca buku-buku Tauhid, Fekah, Sirah, Akhlak, dakwah & perbandingan agama) iaitu dengan nilai min = 4.81. Manakala item yang kedua tertinggi pula dicapai pada item B8 (Saya perlu menyediakan diri dari aspek ketahanan fizikal, emosi dan mental) iaitu dengan nilai min = 4.81. Seterusnya nilai min yang ketiga tertinggi dicapai pada item B4 (Saya perlu menyediakan diri dengan pengetahuan tentang kepercayaan dan pantang larang masyarakat sasaran) iaitu dengan nilai min = 4.80. Hasil kajian ini mendapati bahawa persediaan diri dalam aspek pengetahuan dan ketahanan daya fizikal, emosi dan mental sangat diperlukan oleh seseorang pendakwah. Kajian juga mendapati responden telah meletakkan keutamaan kepada aspek ilmu pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa aspek ilmu pengetahuan sangat penting dalam dakwah. Ini selaras dengan agama Islam yang menekankan kepentingan ilmu sebagaimana Firman Allah yang bermaksud:

*“Allah mengangkat orang-orang yang beriman dan berilmu banyak darjat”*

(Al-Qur'an, Surah al-Mujadalah:11)

Hasil dapatan ini disokong dengan kajian oleh Ismail Naim (2019) yang menyatakan bahawa pengetahuan seseorang pendakwah sangat penting dalam persiapan diri untuk berdakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Kelebihan menguasai aspek pengetahuan dapat mendekati sasaran dengan baik dan dapat menjawab persoalan yang ditanya oleh pihak sasaran dengan jelas. Dari segi persediaan fizikal, emosi dan mental juga diperlukan oleh pendakwah kerana menghadapi ujian dan cabaran berdakwah terhadap masyarakat orang asli memerlukan usaha yang tinggi dan daya ketahanan mental yang kuat serta bijak untuk menarik minat mereka terhadap Islam. Menurut kajian Mohd Zairul (2018) kekuatan fizikal diperlukan ketika menguruskan sesebuah program dan membantu masyarakat Orang Asli melakukan pekerjaan di sekitar perkampungan mereka. Menghulurkan bantuan seperti memberi kebaikan merupakan salah satu bentuk dakwah *bi al-Hal* yang boleh merapatkan lagi ikatan masyarakat Orang Asli dengan Pendakwah. Oleh kerana itu, menguasai pengetahuan dan membuat persiapan diri dari segi fizikal, mental dan emosi sangat penting serta memberi keberkesanan yang baik dalam dakwah Islamiah.

Seterusnya analisis bagi item yang berada tahap terendah dicapai pada item B9 (Saya perlu menyediakan diri dengan pengetahuan kemahiran kendiri dan teknikal seperti memasak dan mengendalikan alatan elektrik) iaitu dengan nilai min = 4.64. Manakala item yang kedua terendah pula dicapai pada item B5 (Saya perlu mengetahui tentang hierarki kepimpinan dalam masyarakat sasaran) iaitu dengan nilai min = 4.68. Seterusnya nilai min yang ketiga rendah pula dicapai pada item B6 (Saya perlu menyediakan diri dengan pengetahuan tentang anasir yang mengancam dakwah dalam masyarakat sasaran seperti Gerakan kristianisasi dan ajaran sesat) iaitu dengan nilai min = 4.72. Hasil kajian mendapati nilai min yang rendah ini berkaitan dengan persediaan diri dari segi kemahiran atau amalan seseorang pendakwah. Namun demikian, skor min bagi item-item dalam konstruk pengetahuan kemahiran masih lagi berada pada tahap tinggi, iaitu melebihi 4.21. Ini memberi isyarat bahawa aspek pengetahuan tentang kemahiran tertentu juga penting dalam konteks perlaksanaan dakwah terhadap masyarakat Asli.

Kemahiran memerlukan kepada latihan dan bimbingan yang khusus oleh pendakwah kerana kemahiran tidak dapat dicapai hanya dengan sekali latihan, malah memerlukan pengalaman dan pelbagai latihan cara untuk menyantuni sasaran terutama terhadap saudara baru seperti masyarakat Orang Asli. Hasil dapatan tersebut dapat disokong oleh kajian Muhamad Faisal dan Nabil Ahmad (2020) menyatakan bahawa latihan berterusan perlu diberikan kepada pendakwah

supaya dapat membentuk kemahiran yang lebih kualiti dalam kalangan pendakwah. Namun untuk melatih diri pendakwah bukan perkara yang mudah dan perlu mengambil masa yang lama untuk membentuk kemahiran yang diperlukan dalam berdakwah.

Seseorang pendakwah perlu sentiasa aktif dalam menyertai program yang melibatkan kemasyarakatan supaya dapat mengenali sasaran atau masyarakat dengan lebih dekat. Dengan mengetahui keadaan sebenar masyarakat pendakwah akan lebih mudah untuk mengendalikan diri dengan suasana persekitaran. Justeru itu, persediaan diri sebagai pendakwah dalam aspek pengetahuan dan amalan perlu dipupuk supaya dapat membawa dakwah Islam dengan baik. Menurut Syed Abdurahman (2010) menyatakan bahawa persediaan diri seorang sangat penting kerana persiapan diri pendakwah boleh mempengaruhi keberkesanan dalam berdakwah.

### **Bahagian C: Analisis Konstruk Kemahiran**

Jadual 1.6: Taburan Bilangan dan Peratus Penilaian terhadap Konstruk Kemahiran

No.	Item	STS	TS	KS	S	SS	MIN
C1	Saya perlu menguasai kemahiran pengurusan diri seperti berketrampilan bersih dan menepati masa.	0% (0)	0% (0)	2.2% (2)	16.7% (15)	81.1% (73)	4.79
C2	Saya perlu menguasai aspek pengurusan organisasi seperti pengendalian mesyuarat, membuat keputusan, kerja berpasukan ( <i>team building</i> ) dan aktif dalam berorganisasi.	0% (0)	0% (0)	2.2% (2)	17.8% (16)	80.0% (72)	4.78
C3	Saya perlu menguasai kemahiran komunikasi inter-personal dan sosial seperti sapaan dan ziarah.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	22.2% (20)	76.7 (69)	4.76
C4	Saya perlu menguasai kemahiran pengucapan awam.	0% (0)	0% (0)	3.3% (3)	20.0% (18)	76.7% (69)	4.73
C5	Saya perlu menguasai kemahiran komunikasi digital.	0% (0)	0% (0)	7.8% (7)	30.0% (27)	62.2% (56)	4.54
C6	Saya perlu menguasai kemahiran tentang kearifan lokal seperti bercucuk tanam, menangkap ikan, memburu dan perkara	0% (0)	1.1% (1)	17.8% (16)	32.2% (29)	48.9% (44)	4.29

No.	Item	STS	TS	KS	S	SS	MIN
	yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat sasaran.						
C7	Saya perlu menguasai aspek kesenian seperti seni suara, seni mempertahankan diri dan seni khat.	1.1% (1)	3.3% (3)	20.0% (18)	31.1% (28)	44.4% (40)	4.14
C8	Saya perlu menguasai kemahiran bersukan dan mengendalikan acara sukan.	1.1% (1)	2.2% (2)	13.3% (12)	34.4% (31)	48.9% (44)	4.28
C9	Saya perlu menguasai amalan kerohanian seperti bacaan doa, ruqyah, zikir dan wirid.	0% (0)	1.1% (1)	5.6% (5)	22.2% (20)	71.1% (64)	4.63
C10	Saya perlu menguasai kemahiran teknikal seperti boleh mengendalikan peralatan elekrik dan siar raya.	1.1% (1)	1.1% (1)	12.2% (11)	32.2% (29)	53.3% (48)	4.36

Sumber: Soal Selidik 2023

Jadual 1.6 mendapati bahawa setiap nilai min bagi konstruk kemahiran berada tahap yang sangat baik dan baik. Nilai min yang paling tinggi dicapai pada item C1 (Saya perlu menguasai kemahiran pengurusan diri seperti berketrampilan bersih dan menepati masa) iaitu dengan nilai min = 4.79. Manakala nilai min yang kedua tinggi adalah dicapai pada item C2 (Saya perlu menguasai aspek pengurusan organisasi seperti pengendalian mesyuarat, membuat keputusan, kerja berpasukan (*team building*) dan aktif dalam berorganisasi) iaitu dengan nilai min = 4.78. Seterusnya, item yang ketiga tinggi pula dicapai pada item C3 (Saya perlu menguasai kemahiran komunikasi inter-personal dan sosial seperti sapaan dan ziarah) iaitu dengan nilai min = 4.73. Hasil analisis kajian item tiga tertinggi menunjukkan aspek pengurusan dan komunikasi memberi tumpuan yang tinggi dalam berdakwah. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa kemahiran yang melibatkan kemahiran interpersonal dan kemahiran komunikasi sangat diperlukan oleh pendakwah, namun kemahiran pengurusan dan komunikasi memerlukan pengalaman dalam bersosial dengan masyarakat dan latihan yang berterusan. Menurut Teori *Multiple Intelligences* (Gardner, 1983) mendefinisikan kemahiran interpersonal sebagai keupayaan untuk berinteraksi dengan orang dan memahami mereka. Dalam kajian Raudhah (2017) menyatakan bahawa kemahiran interpersonal ini melibatkan kemahiran komunikasi iaitu dengan berinteraksi dengan orang lain. Kajian beliau berkaitan dengan keupayaan guru dalam berinteraksi dengan pelajar dan kemahiran guru menyampaikan pengajaran dengan jelas serta difahami oleh semua pelajar. Oleh

hal itu, kemahiran komunikasi ini memerlukan praktikal yang khusus bagi mencapai tahap penguasaan yang boleh memberi kesan yang baik kepada pendengar.

Hasil dapatan tersebut disokong oleh kajian Izzaty Ulya & Zainab Ismail (2018) menyatakan bahawa pendakwah perlu mempunyai kemahiran dalam komunikasi supaya dapat memantapkan lagi keupayaan dalam menyampaikan dakwah lebih-lebih lagi untuk menghadapi pelbagai corak bentuk masyarakat zaman moden kini. Antara konstruk yang dapat di hasilkan daripada kajian tersebut mengikut personaliti pendakwah dari aspek kemahiran adalah seperti kemahiran berbahasa, kemahiran teknologi maklumat (ICT), komunikasi, psikologi, metodologi berdakwah dan memahami bahasa sasaran dakwah dan memahami sasaran dakwah. Di samping itu kemahiran komunikasi merupakan kemahiran yang sangat penting untuk dimiliki oleh para pendakwah. Kemahiran komunikasi ini membantu pendakwah untuk mengenali latar belakang sasaran dakwah dan menyampaikan isi kandungan berdasarkan tahap pemikiran mereka berdasarkan konsep "*khatib al-nas ‘ala qadr ‘uqulihim*" iaitu bercakap mengikut kadar akal mereka (Zulkefli Aini & Abdul Ghafar Don, 2020). Sekiranya pendakwah tidak menyelaraskan penyampaian mengikut tahap pemikiran sasaran boleh menyebabkan kesalahfahaman dan berlaku gangguan dalam proses komunikasi.

Seterusnya analisis bagi tiga item yang terendah bagi konstruk kemahiran. Nilai min yang terendah dicapai pada item C7 (Saya perlu menguasai aspek kesenian seperti seni suara, seni mempertahankan diri dan seni khat) iaitu dengan nilai min = 4.14. Manakala bagi item yang kedua rendah pula adalah dicapai pada item C8 (Saya perlu menguasai kemahiran bersukan dan mengendalikan acara sukan) iaitu dengan nilai min = 4.28. Bagi item yang ketiga rendah pula dicapai pada item C6 (Saya perlu menguasai kemahiran tentang kearifan lokal seperti bercucuk tanam, menangkap ikan, memburu dan perkara yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat sasaran) iaitu dengan nilai min = 4.29. Hasil kajian mendapat bahawa konstruk kemahiran dalam pelbagai bidang sukar untuk dilaksanakan kerana memerlukan bakat dan latihan serta pengalaman yang berterusan seperti kemahiran kesenian, kemahiran bersukan dan kemahiran kearifan lokal. Dengan wujudnya kemahiran tersebut dapat memberi kelebihan kepada pendakwah dan membimbing pendakwah ke arah yang lebih profesional dalam mendepani pelbagai masalah yang berlaku dalam masyarakat sasaran (Ibtisam & Berhanuddin, 2019).

Di samping itu, menurut kajian Ahmad Sahlan dan Rosmawati (2014) menyatakan bahawa memiliki kemahiran kesenian mampu menerapkan nilai-nilai murni dan membentuk sahsiah serta jati diri dalam diri sasaran dengan mengajak membuat kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Dalam kesenian mampu menarik perhatian masyarakat ramai namun untuk memiliki kemahiran tersebut memerlukan bakat yang tersendiri. Manakala dalam kemahiran lain seperti bersukan, bercucuk tanam dan memburu memerlukan keaktifan dalam diri untuk turut serta dalam melakukan aktiviti tersebut bersama sasaran seperti masyarakat Orang Asli. Namun kemahiran tersebut perlu dipelajari dahulu dan memerlukan pengalaman yang banyak untuk mengendalikannya. Kemahiran ini sukar untuk dicapai kerana melibatkan fizikal pendakwah dan tidak semua pendakwah yang mampu melakukan perkara berikut. Kemahiran tersebut berkaitan juga dengan pendekatan dalam aspek bi al-hal. Menurut kajian Mohd Zairul (2018) penerimaan dakwah bi al-hal terhadap masyarakat orang asli masih pada tahap sederhana kerana kurang pendakwah yang berupaya untuk melibatkan diri dalam aktiviti harian mereka. Oleh yang demikian, kemahiran dalam pelbagai bidang ini sangat diperlukan dalam diri pendakwah supaya dapat membawa metodologi dakwah dalam pelbagai bentuk penyampaian isi kandungan dakwah.

#### Bahagian D: Analisis Konstruk Sikap

Jadual 1.7: Taburan Bilangan dan Peratus Penilaian terhadap Konstruk Sikap

No.	Item	STS	TS	KS	S	SS	MIN
D1	Saya perlu memupuk sifat ikhlas dalam menjalani Latihan Amali Dakwah (LAD).	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	16.7% (15)	82.2% (74)	4.81
D2	Saya perlu memupuk sifat disiplin diri seperti menepati waktu.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	16.7% (15)	82.2% (74)	4.81
D3	Saya perlu mempunyai komitmen yang tinggi dalam menjalani LAD atau tugas yang diberikan.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	15.6% (14)	83.3% (75)	4.82
D4	Saya perlu mempunyai sifat tanggungjawab.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	12.2% (11)	86.7% (78)	4.86
D5	Saya perlu bersifat prihatin dan mengutamakan orang lain.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	13.3% (12)	85.6% (77)	4.84
D6	Saya perlu mempunyai sifat empati terhadap rakan pelajar dan masyarakat sasaran.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	12.2% (11)	86.7% (78)	4.86
D7	Saya perlu mempunyai sifat tangkas dalam melaksanakan tugas.	0% (0)	0% (0)	2.2% (2)	16.7% (15)	81.1% (73)	4.79
D8	Saya perlu mengutamakan organisasi berbanding kepentingan peribadi	1.1% (1)	0% (0)	3.3% (3)	20.0% (18)	75.6% (68)	4.69
D9	Saya perlu mempunyai sifat sabar dan tenang.	0% (0)	0% (0)	2.2% (2)	14.4% (13)	83.3% (75)	4.81
D10	Saya perlu menunjukkan semangat kerjasama.	0% (0)	0% (0)	1.1% (1)	14.4% (13)	84.4% (76)	4.83

Sumber: Soal Selidik 2023

Jadual 1.7 mendapati bahawa setiap nilai min bagi konstruk sikap berada tahap yang sangat baik. Nilai min yang paling tinggi dicapai pada item D4 (Saya perlu mempunyai sifat tanggungjawab) iaitu dengan nilai min = 4.86. Seterusnya nilai min yang kedua paling tinggi dicapai pada item D6 (Saya perlu mempunyai sifat empati terhadap rakan pelajar dan masyarakat sasaran) iaitu dengan nilai min = 4.86. Manakala nilai min yang ketiga paling tinggi dicapai pada item D5 (Saya perlu bersifat prihatin dan mengutamakan orang lain) iaitu dengan nilai min = 4.84. Hasil kajian mendapati bahawa sikap yang perlu diutamakan dalam berdakwah adalah sikap bertanggungjawab dan sentiasa mengambil cakna atau prihatin terhadap orang lain. Sikap tersebut sangat diperlukan apabila melibatkan komuniti dan masyarakat setempat seperti berdakwah terhadap masyarakat Orang Asli dan sebagainya untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Hasil kajian ini disokong oleh Shahzihan (2018) dengan menyatakan bahawa peranan pendakwah adalah bertanggungjawab untuk menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat iaitu dengan menyeru membuat kebaikan dan mencegah segala kemungkaran yang berlaku. Tanggungjawab sebagai pendakwah adalah sangat besar kerana membawa risalah Islam dan amanah yang perlu dipikul dengan menyampaikan ilmu kepada umat manusia yang lain supaya dapat membawa rahmat kepada seluruh alam. Dengan sifat tanggungjawab sebagai seorang pendakwah adalah dengan memiliki ilmu dalam pelbagai bidang. Ilmu merupakan kunci utama seseorang untuk terus berjuang dengan membawa kebenaran dalam hidup manusia seluruh alam. Seperti dakwah Rasulullah SAW berjuang dengan berhijrah dari Mekah ke Madinah untuk memperluaskan ilmu agama Islam kepada seluruh umatnya. Menurut kajian Nurul Izzah & Razaleigh (2020) bertanggungjawab merupakan ciri-ciri luaran seseorang. Dengan memiliki sifat tersebut memberi keupayaan kepada pendakwah untuk melaksanakan dakwah. Manakala sikap empati dan prihatin adalah sifat dalaman seseorang yang boleh mendorong pendakwah untuk membantu masyarakat dan rasa mahabbah kepada orang lain.

Seterusnya hasil dapatan bagi nilai min yang paling rendah pula dicapai pada item D8 (Saya perlu mengutamakan organisasi berbanding kepentingan peribadi) iaitu dengan hasil dapatan nilai min = 4.69. Manakala nilai min yang kedua rendah dicapai pada item D7 (Saya perlu mempunyai sifat tangkas dalam melaksanakan tugas) iaitu dengan capaian nilai min = 4.79 dan bagi nilai min yang ketiga rendah pula dicapai pada item D1 (Saya perlu memupuk sifat ikhlas dalam menjalani Latihan Amali Dakwah) iaitu dengan nilai min = 4.81. Hasil kajian menunjukkan bahawa sifat mengutamakan organisasi, sifat tangkas dan sifat ikhlas sukar untuk dipupuk. Bagi sifat mengutamakan organisasi dakwah berbanding kepentingan diri sangat sukar dilakukan sekiranya menghadapi masalah. Hal ini merupakan sifat pendakwah sukar dikawal kerana melibatkan emosi seseorang. Kesemua aspek tersebut mempunyai kaitan dengan aspek pengurusan sahsiah diri. Menurut kajian Nurul Izzah dan Razaleigh (2020) punca utama kegagalan dalam medan dakwah adalah kerana kurang persediaan dari segi membentuk sikap dan sahsiah diri. Dalam membentuk sifat dalaman seseorang memerlukan proses latihan dan mujahadah yang kuat (Fariza et al, 2017). Oleh itu, sikap dalaman seseorang memainkan peranan yang penting dan merupakan salah satu tarikan dakwah untuk menarik perhatian sasaran dakwah. Sikap yang baik mampu membawa kepada kualiti dakwah.

## KESIMPULAN

Kajian tentang konstruk kompetensi adalah penting bagi mendapatkan gambaran dan fakta tentang keperluan untuk tujuan aplikasi bagi sesuatu program latihan termasuklah latihan amali

dakwah. Berdasarkan dapatan soal selidik, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penerimaan pelajar Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan terhadap semua item kompetensi pendakwah menunjukkan skor yang baik dan sangat baik. Indikator kepada penerimaan pada tahap baik ialah pada julat antara 3.41- 4.20, manakala indikator kepada penerimaan sangat baik ialah berada pada julat 4.21-5.00. Kajian ini mendapat bahawa kesemua konstruk kompetensi: Persediaan, kemahiran dan sikap mendapat skor yang tinggi dengan skor min melebihi 4.21 iaitu dengan interpretasi sangat baik. Implikasinya, dapatan kajian ini menjadi asas penting dalam membina satu garis panduan yang boleh digunakan pelajar dalam menjalani LAD khususnya di perkampungan Orang Asli. Ia menunjukkan pelajar menerima bahawa item-item dalam konstruk perlu dan berguna untuk dijadikan sebagai satu Garis Panduan Latihan Amali Dakwah yang jelas dan terpandu untuk tujuan diaplikasi di lapangan.

## **PENGHARGAAN**

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengajian Islam yang menganugerahkan geran penyelidikan PP-2022-013 dan juga Cik Ayuni Nazuha Bin Mohd Rosli yang banyak membantu kerja penyelidikan ini.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Rosmawati Mohamad Rasit. 2014. *Hubungan Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Melalui Keseniaan Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam, hlm. 10-18.
- Berger, D. 2003. *The talent management handbook: Creating organizational excellent*. New York: MacGraw-Hill.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurairi Sharifudin. 2017. *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi:Penerbit UKM.
- Firman Hidayat. 2021. *Kompetensi Da'i Dalam Melakukan Kegiatan Dakwah Dikecamatan Rambatan Kabupaten Tanah Datar*. Tesis Sarjana, Fakultas Ushuluddin, Adab Dan Dakwah IAIN Batusangkar.
- Ibitisam Ibrahim & Berhanudin Abdullah. 2019. *Pendekatan Pengurusan Kemahiran Pendakwah Profesional dalam Dakwah Kepada Masyarakat Awam*. Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management 23-24 November 2019.
- Ismail Naim. 2019. Kepentingan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli. *Al-Hikmah* 11(2) 2019: 20-36.
- Manogaran, P. (2000) Core competencies and the knowledge economy. *Pentadbir*. p. 23-29
- Izzaty Ulya Munirah & Zainab Ismail. 2018. Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur. *Al-Hikmah* 10(1) 2018:34-54.
- Mohd Shahzihan. 2018. *Peranan Institusi Agama dalam Dakwah kepada Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Bab 9. Bicara Dakwah.
- Mohd Zairul Ridzuan. 2018. Pendekatan dakwah *Bi Al-Hal* terhadap Masyarakat Orang Asli di Malaysia. Pusat Kesejahteraan Insan & Komuniti, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. *At-Tahkim*: Vol 8 (15).
- Muhamad Faisal Ashaari & Nabil Ahmad. 2020. Elemen dalam Kandungan Program Latihan dan Bimbingan kepada Pendakwah. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*. Vol 3(2), 2020:161-172.

- Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat. 2020. Personaliti Pendakwah Dalam Menyantuni Masyarakat Non-Muslim. *Al-Hikmah* 12(1) 2020: 19-36.
- Raudhah Ali. 2017. *Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Malaysia.
- Rozmi Ismail. 2016. *Metodologi Penyelidikan: Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Abdurahman. 2010. Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan. *Jurnal Usuluddin*.
- Zulkefli Aini & Abdul Ghafar Don. 2020. Amalan Kemahiran Komunikasi Pendakwah dengan Masyarakat Orang Asli di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*. Vol 3(4), 2020:083-100.